



## SIARAN MEDIA

### KPKT PERUNTUK RM60 JUTA BAGI MENAIKTARAF 200 MEDAN SELERA DI SELURUH NEGARA

---

**IPOH, 5 APRIL 2026** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus komited dalam memperkasa kemudahan awam dan memperkukuh kesejahteraan komuniti melalui **pelaksanaan projek naik taraf infrastruktur di kawasan Medan Selera Greentown Utama**.

KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta bagi pelaksanaan 200 projek naik taraf medan selera di seluruh negara, yang dijangka siap sepenuhnya menjelang hujung tahun ini. Inisiatif ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan kemudahan awam yang lebih selesa, selamat dan kondusif untuk rakyat serta peniaga kecil.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming hari ini telah merasmikan **Medan Selera Greentown yang telah dinaik taraf dengan peruntukan berjumlah RM200,000**. Projek ini memberi manfaat kepada kira-kira 25 peniaga gerai serta pengunjung setempat.

Kerja-kerja naik taraf yang bermula pada Ogos 2025 dan siap sepenuhnya pada 31 Januari 2026 merangkumi kerja-kerja mengecat semula kawasan medan selera, pemasangan kipas industri (*heli fan*) serta penggantian set meja dan kerusi baharu demi keselesaan pengguna.

“KPKT komited memastikan setiap kemudahan awam yang disediakan bukan sahaja berfungsi dengan baik tetapi juga selesa, selamat dan memberi nilai tambah kepada komuniti setempat. Naik taraf ini bukan sekadar penambahbaikan fizikal tetapi juga usaha memperkukuh ekonomi peniaga kecil serta meningkatkan kualiti hidup rakyat,” kata YB Nga Kor Ming.

Dalam masa yang sama, KPKT turut menganjurkan **Majlis Ramah Mesra Peringkat DUN Kepayang** yang memberi manfaat kepada kira-kira 800 hingga 1,000 penduduk flat

di kawasan sekitar. Program ini menjadi platform untuk menyantuni komuniti secara langsung, menyampaikan sumbangan, serta mengeratkan hubungan antara kerajaan dan rakyat.

“Melalui program seperti ini, kita bukan sahaja menyantuni rakyat tetapi juga mengeratkan hubungan antara kerajaan dan komuniti. Pendekatan turun padang dan menyelami keperluan rakyat akan terus menjadi keutamaan KPKT,” tambah YB Menteri.

Majlis ini mencerminkan pendekatan menyeluruh KPKT dalam pembangunan komuniti yang bukan sahaja tertumpu kepada aspek fizikal tetapi turut merangkumi nilai kebersamaan dan keprihatinan sosial.

#MalaysiaMADANI  
#Kesejahteraan  
#StrongerTogether  
#DemiPertwi  
#UnityInDiversity  
#RancarkanMADANI

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempata  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

